



**MAJLIS PERBANDARAN JASIN
VISTA ALAMANDA
77000 JASIN
MELAKA**

Telefon :
Pejabat Am : 06-5291245 / 5291811
URL : www.mpjasin.gov.my

JAWATAN KOSONG

Pemohon adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan dan keutamaan diberikan kepada anak Negeri Melaka yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan di Majlis Perbandaran Jasin.

BIL	JAWATAN	GREED	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	BIL KEKOSONGAN	TARAF JAWATAN
1	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N19	RM1,352.00	RM4,003.00	3	KONTRAK

Jawatan 1 – Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19

Skim Perkhidmatan : Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi) – Gred N19
Jabatan : Majlis Perbandaran Jasin, Melaka
Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
Klasifikasi Perkhidmatan : Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi)
Gred Jawatan : Gred N19
Jadual Gaji : RM1,352.00 (Minimum) – RM4,003.00 (Maksimum)

Syarat-syarat :

- (a) warganegara Malaysia
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W19 : RM1,352.00); atau
(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W19 : RM1,408.40); atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W19 : RM1,464.80); atau

dan (d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

CARA-CARA MEMOHON:

- (a) Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang Perjawatan Majlis Perbandaran Jasin.
- (b) Borang boleh didapati dengan hadir sendiri pada hari bekerja biasa di Pejabat Majlis Perbandaran Jasin serta melayari Laman Web Rasmi Majlis Perbandaran Jasin (<http://www.mpjasin.gov.my>).
- (c) Borang permohonan hendaklah disertakan dengan gambar dan salinan Sijil Kelahiran, Sijil Kelulusan, Sijil Berhenti Sekolah serta lain-lain dokumen yang berkaitan. (Setiap salinan perlu diakui sah oleh mana – mana Ketua Kampung, JKKK atau Ketua Jabatan).
- (d) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan-Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing dan pastikan bahawa salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini dan Laporan Penilaian Prestasi yang terkini disertakan bersama.
- (e) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada:-

**YANG DIPERTUA,
MAJLIS PERBANDARAN JASIN,
VISTA ALAMANDA
77000 JASIN,
MELAKA BANDARAYA BERSEJARAH.**

- (f) Tarikh tutup permohonan ialah pada **5 Mac 2018**.
- (g) Permohonan yang berikut akan ditolak sekiranya :-
- a) Tidak disertakan dokumen yang diperlukan
 - b) Tidak lengkap
 - c) Tidak memenuhi syarat-syarat dalam iklan
 - d) Tidak menandatangani borang permohonan

CATITAN

- (a) Hanya calon-calon yang berkelayakan dan berjaya melepasi tapisan akan dipanggil untuk temuduga.
- (b) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan atau setelah ditemuduga tidak menerima jawapan selepas 3 bulan dari tarikh iklan / temuduga hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) **Pentadbiran Majlis tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temuduga.**